



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR • STUDENT HOUSING CENTRE

Rujukan : UKM.PPP.100-1/3/1
Tarikh : 30 Januari 2023

**SEMUA PELAJAR PRASISWAZAH & PASCASISWAZAH
KAMPUS BANGI DAN KUALA LUMPUR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(KECUALI KOLEJ TUN DR. ISMAIL, HCTM)**

Saudara/i,

PEKELILING PUSAT PERUMAHAN PELAJAR BIL 1/2023

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa cuti Semester 1 Sesi 2022/2023 akan bermula **27 Februari 2023**.

1.0 A) PENGESAHAN PENGINAPAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH BAGI SEMESTER 2 SESI 2022/2023

Pelajar yang berjaya mendapat penginapan semester 1 2022/2023 diminta untuk membuat pengesahan kolej bagi semester 2 sesi 2022/2023 seperti tarikh berikut:

Tarikh	URL
6 - 12 Februari 2023	https://appsmu.ukm.my/ekolej

*Mana-mana pelajar yang tidak membuat pengesahan penginapan bagi semester 2 sesi 2022/2023 dianggap tidak berminat untuk tinggal di kolej dan bilik tersebut akan dibuka kepada pelajar kategori rayuan dan permohonan baharu.

*Pelajar tidak dibenarkan untuk meletakkan barang di dalam bilik sepanjang cuti semester sesi 2022/2023 bagi memberi laluan penginapan kepada program universiti. Namun begitu, pelajar boleh meletakkan barang di stor yang akan disediakan oleh pihak pentadbiran kolej.

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Web: : <http://www.ukm.my/> email : pghperumahan@ukm.edu.my



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR • STUDENT HOUSING CENTRE

B) PERMOHONAN BAHARU PENGINAPAN PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH BAGI SEMESTER 2 SESI 2022/2023

Bagi pelajar Prasiswazah yang tidak berjaya mendapat penginapan bagi Semester 1 sesi 2022/2023 dan pelajar Pascasiswazah baharu sesi 2022/2023, permohonan penginapan boleh dibuat pada tarikh berikut:-

Tarikh	URL
13 - 17 Februari 2023	https://appsmu.ukm.my/ekolej

*keputusan permohonan penginapan tertakluk kepada kekosongan kolej kediaman

Bagi pelajar yang tidak berjaya mendapat penginapan, **rayuan** penginapan boleh dibuat seperti berikut :

Tarikh	URL
27 Februari – 3 Mac 2023	https://appsmu.ukm.my/kolej

*Hanya pelajar yang membuat permohonan kolej sahaja dibenarkan untuk membuat rayuan. Keputusan rayuan kolej tertakluk kepada kekosongan kolej

2.0 PENDAFTARAN KELUAR KOLEJ SEMESTER 1 SESI 2022/2023 DAN PERATURAN PENGOSONGAN BILIK SERTA PENYIMPANAN BARANG

Saudara/i adalah diminta untuk membuat Pendaftaran Keluar Kolej Semester 1 sesi 2022/2023 sebelum atau pada **26 Februari 2023**.

Perkara	Tarikh
Pendaftaran Keluar Kolej Semester 1 Sesi 2022/2023	Sebelum atau pada 26 Februari 2023

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Web: : <http://www.ukm.my/> email : pghperumahan@ukm.edu.my



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR • STUDENT HOUSING CENTRE

2.1 Berikut adalah peraturan pengosongan bilik dan penyimpanan barang:

2.1.1 Tarikh akhir **mengosongkan bilik** dan pemulangan kunci di kolej kediaman :

Tarikh	Masa
26 Februari 2023	8.30 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 petang – 4.30 petang

2.1.2 Kehilangan kunci akan didenda sebanyak RM20.00.

2.1.3 Barang-barang di dalam bilik hendaklah dikeluarkan dan pastikan bilik anda ditinggalkan dalam keadaan bersih dan sempurna serta dikunci. Pastikan suis lampu dan kipas dimatikan sebelum meninggalkan bilik.

2.1.4 Denda akan dikenakan jika didapati bilik ditinggalkan dalam keadaan kotor atau lampu/kipas tidak dimatikan.

2.1.5 Sebarang kerosakan perabot atau perkakas bilik yang rosak akibat daripada kecuaiannya saudara/i akan dikenakan caj ganti rugi mengikut kadar yang ditetapkan.

2.1.6 Pentadbiran kolej akan menyediakan stor menyimpan barang

2.1.7 Berikut adalah jadual **penyimpanan barang**:

Tarikh	Masa
14 – 25 Februari 2023	9.00 pagi – 12.00 tengah hari

2.1.8 Dokumen-dokumen penting seperti sijil, kad pengenalan, kad kolej, kad matrik, barang-barang kemas dan lain-lain barang berharga **tidak dibenarkan** disimpan di dalam stor.

2.1.9 Pihak pentadbiran kolej tidak akan bertanggungjawab di atas keselamatan barang-barang yang disimpan.

2.1.10 Saudara/i adalah dilarang menyimpan barang di dalam bilik kuasa elektrik, bilik basuh, surau, bilik pili bomba, bilik aktiviti pelajar dan lain-lain ruang yang tidak dibenarkan oleh pihak pentadbiran kolej.

2.1.11 Sebarang permintaan untuk membuka stor semasa cuti tidak akan dilayan. Berikut adalah jadual **pengambilan barang** di stor :

Tarikh	Masa
25 Mac – 7 April 2023	9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 petang – 4.30 petang

2.1.12 Barang yang tidak diambil dalam jangka masa yang ditetapkan akan dianggap tidak berguna dan akan dilupuskan.

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Web: : <http://www.ukm.my/> email : pghperumahan@ukm.edu.my



PUSAT PERUMAHAN PELAJAR • STUDENT HOUSING CENTRE

3.0 PERMOHONAN PENGINAPAN LUAR SEMESTER 1 SESI 2022/2023 DAN PENDAFTARAN MASUK SERTA KELUAR LUAR SEMESTER 1 SESI 2022/2023

Bagi pelajar yang memohon menginap di kolej untuk cuti luar semester 1, permohonan penginapan boleh dibuat seperti berikut:-

Tarikh	URL
13 -17 Februari 2023	https://appsmu.ukm.my/ekolej

Pendaftaran masuk cuti luar semester 1 adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
27 Feb– 1 Mac 2023	9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 petang – 4.30 petang

Pendaftaran keluar luar semester 1 adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
26 Mac 2023	9.00 pagi – 12.00 tengah hari

4.0 PENDAFTARAN MASUK PELAJAR PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH SEMESTER 2 SESI 2022/2023

Bagi pelajar yang telah membuat pengesahan dan mendapat tawaran Kolej bagi Semester 2 Sesi 2022/2023, butiran **Pendaftaran Masuk Semester 2** Sesi 2022/2023 adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
25 – 27 Mac 2023	9.00 pagi – 12.00 tengah hari 2.30 petang – 4.30 petang

Sekiranya saudara/i tidak mendaftar pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah, tempat saudara/i akan ditawarkan kepada pelajar kategori rayuan. Semua kelulusan rayuan kolej adalah tertakluk kepada kekosongan.

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Web: : <http://www.ukm.my/> email : pghperumahan@ukm.edu.my



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR • STUDENT HOUSING CENTRE

Kerjasama yang saudara/i berikan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

MOHD FIRDAUS YAHAYA

Timbalan Pengarah
Menjalankan Tugas Pengarah
Pusat Perumahan Pelajar

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pengarah, Pusat Hal Ehwal Pelajar
 - Pengetua Kolej Kediaman
 - Ketua Pentadbiran Kolej Kediaman

PUSAT PERUMAHAN PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4367 Web: : <http://www.ukm.my/> email : pghperumahan@ukm.edu.my

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my